




Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Korban Kasih

Siti Aishah Che Kar

Kolej Kejuruteraan, UiTM Cawangan Terengganu

Waktu saya masih sekolah rendah, ibu saya selalu meminjam buku-buku dari perpustakaan sekolah tempat ibu saya mengajar untuk dibaca oleh adik-beradik saya sebagai aktiviti mengisi masa lapang semasa cuti sekolah. Saya masih ingat sebuah buku cerita yang saya baca dengan juraian air mata. Buku tersebut adalah sebuah novel dengan tema keluarga hasil karya Fatimah Saidin dengan tajuk Korban Kasih. Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan cetakan pertama pada tahun 1995. Buku yang dipinjam oleh ibu saya merupakan edisi cetakan pertama novel tersebut dengan 375 halaman bercetak.

Saya dan keluarga amat suka sangat dengan novel Korban Kasih ini. Novel ini mengisahkan tentang sebuah keluarga melayu melalui pandangan seorang gadis bernama Fatimah. Fatimah merupakan anak bongsu dari lima adik beradik yang dibesarkan oleh keluarga sederhana. Jalan penceritaan banyak berkisar tentang watak utama iaitu abang Fatimah yang bernama Jalil dalam mendapatkan kasih sayang dari ibu kandungnya sendiri iaitu ibu Fatimah. Dalam cerita ini, Fatimah melihat pelbagai perselisihan dan pilih kasih yang berlaku dalam keluarganya. Apa yang membuatkan cerita ini menarik adalah bagaimana ia memaparkan pergolakan dalam keluarga dengan penuh perasaan dan nilai-nilai murni. Novel ini dimulakan dengan sebuah puisi yang begitu puitis dan agak sentimental yang mengharap abangnya Jalil kembali semula ke pangkuan keluarga tersayang setelah lama membuang diri dari keluarga dengan merantau tanpa khabar berita bertahun-tahun lamanya.

Fatimah tidak mengerti mengapa ibunya begitu membenci Abang Jalil kerana Jalil merupakan anak kandung yang dilahirkan kembar tidak seiras dengan Jamil. Walaupun dilahirkan kembar, namun ibu mereka memberi layanan yang sangat berbeza bagi kedua-dua kembar tersebut. Selepas kematian ayah mereka, Abang Jalil tersingkir dari keluarga, dan ini sangat mempengaruhi Fatimah. Dia sering tertanya-tanya apakah sebab sebenar di sebalik kebencian ibunya terhadap abangnya. Dalam masa yang sama, Fatimah juga melihat kejayaan Kak Long dan Abang Ngah yang berjaya masuk ke sekolah berasrama penuh, sesuatu yang sangat dibanggakan oleh keluarganya.

Walaupun banyak cabaran dan perselisihan yang berlaku, penulis memaparkan semuanya dari sudut pandang yang positif. Setiap konflik dan masalah dalam keluarga Fatimah dilihat sebagai peluang untuk pembelajaran dan pengembangan diri. Buku ini menunjukkan bagaimana setiap ahli keluarga, walaupun melalui banyak cabaran, akhirnya dapat bertemu semula dalam keadaan yang lebih harmoni ketika mereka sudah dewasa.

Antara petikan yang dekat hati saya adalah kerana gaya penceritaannya yang penuh dengan pengalaman sebagai anak kampung dalam suasana awal tahun 90-an. Antaranya kisah mencari kulat sisir di batang pokok pokok getah yang terbiar untuk dibawa pulang dan digoreng untuk hidangan sekeluarga dan dimasak ringkas untuk dinikmati bersama keluarga. Saya sekeluarga amat meminati kulat sisir sebagai hidangan keluarga. Penulis juga menceritakan tentang Fatimah yang merasakan untuk memasak nasi lemak untuk sarapan pagi adalah merupakan satu hal yang sangat mudah baginya. Hal ini juga telah berjaya menukar

persepsi saya hingga merasakan untuk memasak nasi lemak bukan lagi merupakan satu masakan yang renyah untuk disediakan. Hingga ke hari ini jika saya memasak nasi lemak untuk sarapan keluarga, akan terimbas kembali kisah nasi lemak yang dimasak oleh Fatimah. Juga penceritaan mengenai kisah kelapa yang perlu dikupas sabutnya oleh Abang Ngah atau Jalil menggunakan satu alat tradisional yang tajam yang dipancang atas satu kayu bagi membolehkan ibu Fatimah dapat makan hidangan kari yang menjadi kegemaran ibu Fatimah. Gaya penceritaan ini amat dekat dengan saya kerana saya membesar dalam suasana kampung dan setiap kali membaca novel ini saya boleh menggambarkan setiap situasi yang diceritakan oleh penulis. Selain itu, kisah Fatimah terpaksa menjadi ibu angkat kepada anak-anak kambing peliharaannya juga amat menghiburkan hati. Kisah kasih sayang Jalil pada lembu peliharaannya Tuah juga digambarkan dengan baik menggambarkan kasih sayang antara manusia dan haiwan peliharaan. Kisah ini mengingatkan kembali pada arwah ibu saudara saya, Mok Sah yang amat menyayangi lembu peliharaannya namun terpaksa berkorban untuk dijual bagi menampung kos menunaikan haji. Semoga roh arwah Mok Sah dicucuri Rahmat dan diberikan keampunan oleh Nya.

Juga kisah Jalil yang menghadiahkan ibunya bunga cempaka ketika sakit begitu dekat di hati saya kerana arwah tok saya sebelah ibu amat suka mengutip bunga-bunga yang berbau wangi seperti bunga cempaka, bunga tanjung, bunga Melati, bunga Kenanga dan bunga Kesidang atau Kerak Nasi. Arwah tok suka buat kalungan dari bunga Melur atau bunga Tanjung. Tali kalungan bunga tersebut arwah tok ambik dari batang pohon pisang dan disiat halus sehingga menyerupai benang. Kalungan bunga yang telah siap diikat dan disanggulkan pada rambut atau di taburkan di tempat tidur tok. Malamnya bila tok pasang kelambu, harum semerbak wanginya. Masih terbayang hingga sekarang bunga-bunga melur yang telah kering di atas tempat pembaringan tok. Semoga roh arwah tok dicucuri Rahmat dan diberikan keampunan oleh Nya.

Walaupun buku ini banyak berkisar kisah tentang pergolakan drama yang berlangsung antara Jalil dan ibunya, namun penulis masih memberi penceritaan yang menarik pada setiap watak watak sampingan lain, antaranya kisah romantis pengenalan Fatimah dengan bakal suaminya dalam bab-bab terakhir buku ini. Gaya penceritaan amat ringkas oleh penulis namun masih menimbulkan kesan romantis kepada pembaca-pembacanya.

Kisah ini benar-benar memikat hati saya kerana ia sarat dengan nilai-nilai murni seperti kasih sayang, pengorbanan, dan kemaafan. Setiap watak dalam buku ini mempunyai peranan yang penting dalam menyampaikan mesej bahawa keluarga adalah segala-galanya, dan tidak kira apa pun yang berlaku, kasih sayang keluarga akan sentiasa ada untuk menyatukan mereka kembali. Antara nilai murni yang boleh diambil sebagai panduan ialah kepentingan peluang pendidikan yang diberikan kepada anak-anak oleh ibu bapa. Kisah ini menceritakan walaupun hidup agak susah namun pendidikan anak-anak tetap diutamakan dan terbukti mereka lima beradik telah berjaya membawa keluarga keluar dari genggaman kemiskinan dan malah dapat menyatukan kembali keluarga ibu mereka yang terpisah melalui kejayaan hasil dari pendidikan. Sepanjang cerita dalam novel ini, kita boleh dapati bagaimana mereka sekeluarga berusaha untuk keluar dari kepompong kemiskinan melalui pendidikan dengan membuat pelbagai kerja seperti mencucuk atap nipah, bersawah, berkebun, kerja-kerja buruh, berniaga kecil-kecilan dan mengambil upah membuat kerja-kerja kampung sebagai mencukupkan tabungan untuk belajar.


Banyak kali air mata saya tumpah setiap kali membaca novel ini, malah sehingga kini jika saya membaca novel ini, saya masih menitikkan air mata. Penulis amat berjaya untuk membawa setiap pembaca mendalami setiap emosi dalam setiap watak-watak dalam novel ini terutama watak Jalil dan Fatimah. Ibu telah membeli buku di kedai buku sebagai koleksi keluarga. Ini menjadikan novel ini sebagai antara koleksi buku yang amat saya sayangi, namun buku asal ini telah hilang kerana telah dipinjam oleh rakan universiti saya dan tidak dipulangkan

kembali kepada saya. Saya amat rasa terkilan dan bersedih kerana hilang satu buku yang amat baik hasil karyanya. Buku ini pula susah untuk dibeli kembali pada waktu tersebut kerana selepas cetakan pertama, ianya tidak lagi dicetak. Namun ketika adik saya belajar di sebuah universiti tempatan di Kuala Lumpur, beliau telah terjumpa dengan edisi cetakan kedua buku tersebut dan kami telah membeli lebih dari satu salinan buku sebagai koleksi peribadi masing-masing. Namun sekali sejarah berulang, buku koleksi peribadi saya sekali lagi hilang setelah dipinjam oleh seorang teman.

Menariknya lagi, Korban Kasih juga telah diadaptasi ke dalam sebuah drama televisyen pada tahun 2020. Drama ini diarahkan oleh Mohd Fazli Yahya dan mula ditayangkan di Slot Widuri TV1 dari 24 April hingga 23 Mei 2020. Adaptasi ini membolehkan lebih ramai penonton menikmati cerita yang penuh dengan emosi dan pengajaran ini. Siaran drama ini berlangsung pada bulan Ramadhan pada tahun tersebut, anak-anak saya amat suka menonton drama ini setiap petang dan selalu mengingatkan kami tentang waktu siaran drama Jalil. Oleh kerana saya telah membaca novel ini terlebih dahulu sebelum diadaptasi dalam lakonan dalam drama, jadi sebagai peminat saya mempunyai harapan supaya drama ini diadaptasi dengan sebaiknya. Walaubagaimanapun, banyak watak dan jalan penceritaan yang telah diubah berbanding jalan cerita novel yang asal. Namun sebagai peminat tegar buku tersebut, saya berbangga kerana buku yang saya amat kagumi dan minati semasa kecil akhirnya berjaya diterjemahkan ke layar perak. Kesan langsung, buku ini diterbitkan kembali oleh DBP dan mendapat sambutan yang meluas oleh peminat-peminat drama tersebut. Ini secara tidak langsung dapat meluaskan lagi karya ini menemui peminat-peminat buku novel melayu di luar sana.


Bagi saya, Korban Kasih adalah sebuah kisah yang sangat indah dan mengesankan, menunjukkan betapa pentingnya keluarga dan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Membaca buku ini membuatkan saya lebih menghargai hubungan kekeluargaan dan segala pengorbanan yang dilakukan demi kebahagiaan bersama. Walaupun jalan cerita novel ini hanyalah fiksi semata-mata namun jauh di sudut hati saya dari segi gaya penulisan ini membuktikan sebenarnya karya ini merupakan pengalaman yang dilalui oleh penulis itu sendiri dan digarap dengan baik sekali dalam karya ini.

Penulis juga telah menulis sambungan kepada kisah Jalil dalam Korban Kasih 2. Namun saya masih belum sempat membacanya walaupun telah menonton jalan ceritanya melalui drama Korban Kasih. Saya harap penulis dapat lagi berkarya dan menghasilkan lebih banyak karya-karya novel melayu yang berkualiti seperti ini pada masa hadapan. Insyaallah saya akan membeli kembali novel sebagai koleksi simpanan peribadi ini dengan cetakan paling terkini iaitu pada tahun 2015 selepas novel ini diadaptasi ke layar perak. Muka hadapan buku ini memaparkan wajah-wajah pelakon yang membintangi drama tersebut.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

